



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 5 JUN 2023


BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFS PERLU SEGERA ATASI KELEMAHAN PENGURUSAN PERTANIAN NEGARA, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PADI AIR MASIN: SELESAI ISU POKOK PESAAH DAHULU, AKTIVIS BERITAHU KERAJAAN, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE	
3.	SEDIAKAN PAYUNG SEBELUM HUJAN, NASIONAL, SH -17	
4.	JOHOR JADI PENGELUAR UTAMA KETAM NIPAH, SETEMPAT, HM -8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	JOHOR TO PLACE LOG BOOMS AT 12 POLLUTION HOTSPOTS ALONG SG SKUDAI, NEWS, MALYSIAN NANBAN -3	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/6/2023	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFS perlu segera atasi kelemahan pengurusan pertanian negara



Nordin

IPOH - Jawatankuasa Bertindak Penambahbaikan Sektor Pertanian di Malaysia menggesa kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) menilai semula sistem pengurusan pertanian negara yang semakin bercelaru ketika ini.

Pengerusinya, Nordin Abdul Malek berkata, sejak kebelakangan ini pelbagai isu serius berlaku dalam semua peringkat pelaksanaan pertanian negara yang melibatkan rantai bekalan meliputi tanaman makanan, ternakan ikan air tawar serta bekalan ayam.

Jelas beliau, isu lambakan sayur-sayuran, buah-buahan import, kekurangan serius benih ikan air tawar memperlihatkan kelemahan dalam sistem pengurusan maklumat termasuk penggunaan data berkaitan penawaran dan permintaan yang boleh merugikan golongan petani dan penternak sekali gus boleh menjejaskan dasar keterjaminan makanan negara.

"Kesan kecelaruan pengurusan sistem pertanian negara yang ketara sejak kebelakangan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati dan protes dalam kalangan petani dan penternak dengan pelbagai cara terutama melalui viral media sosial. Begitu juga kegagalan kerajaan menyelaras dan menyediakan peluang TVET (Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional) pertanian swasta.

"Jawatankuasa ini mencadangkan supaya MAFS menilai semula sistem pengurusan, penyelarasan dan keberkesanan pelaksanaan pertanian negara secara komprehensif supaya bertepatan dengan Dasar Keterjaminan Bekalan Makanan Negara serta cabaran dunia terutama kesan pemanasan global," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Nordin berkata, pembangunan modal insan melibatkan latihan kemahiran TVET pertanian serta pendidikan di peringkat universiti juga berdepan masalah yang perlu ditangani segera demi kelangsungan keperluan tenaga kerja.

Menurutnya, sektor latihan kemahiran pertanian berdepan pelbagai karenah birokrasi di peringkat Kementerian Sumber Manusia dan ketiadaan keseragaman dengan agensi lain seperti MAFS untuk menggalakkan penyertaan pusat latihan TVET swasta, khususnya dana berkaitan latihan.

"Jawatankuasa ini juga difahamkan bahawa beberapa universiti awam utama yang mengendalikan pengajian berkaitan pertanian sukar mendapat sokongan pembiayaan dalam aspek penyelidikan, aktiviti pembangunan industri dan masyarakat dalam sektor pertanian.

"Peruntukan yang disediakan oleh agensi induk seperti Kementerian Pengajian Tinggi adalah tidak mencukupi untuk IPTA menjalankan pelbagai aktiviti untuk menyokong pembangunan pertanian negara," katanya.

Dalam pada itu, beliau menggesa Menteri MAFS, Datuk Seri Mohamad Sabu supaya bersemuka dengan semua pihak yang mewakili petani dan penternak dalam rantaian bekalan serta penyedia latihan termasuk kepimpinan universiti berkaitan.

Katanya, pertemuan itu penting bagi membawa satu perubahan dalam kerangka yang lebih besar untuk menambah baik sistem pertanian dan keterjaminan makanan negara dengan kadar segera.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/6/2023	FREE MALAYSIA TODAY	ONLINE	

Padi air masin: Selesai isu pokok pesawah dahulu, aktivis beritahu kerajaan

Sebelum perkenal 'padi air masin', selesaikan dahulu masalah pokok belum selesai, kata Mazlan Aliman.



Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan minggu lalu mengumumkan ia bercadang meneroka tanaman padi air masin dalam usaha meningkatkan pengeluaran makanan ruji.

PETALING JAYA: Seorang aktivis menggesa kerajaan tumpu kepada menyelesaikan isu pokok yang membelenggu pengeluaran beras, ketika ia

bercadang meneroka tanaman 'padi air masin'.

Pengerusi Pertubuhan Gerak Tani, Mazlan Aliman, berkata menyelesaikan masalah utama yang menjejaskan pesawah akan lebih bermanfaat berbanding memperkenalkan jenis padi boleh tahan tanah masin.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan minggu lalu mengumumkan ia bercadang meneroka tanaman 'padi air masin' dalam usaha meningkatkan pengeluaran makanan ruji.

Menurut Mazlan, isunya bukan kurang tanaman tetapi hasil tanaman kurang daripada jangkaan.

"Selesaikan dahulu masalah pokok seperti tatacara operasi standard tanaman, saliran air, perparitan, serangan penyakit, mahupun benih padi yang berkualiti," katanya kepada FMT.

"Laksanakan mekanisme tertentu yang mampu tambah pendapatan (petani). Jangan tambah masalah lain."

Mazlan tidak menolak cadangan 'padi air masin' direalisasikan untuk jangka masa panjang, namun kerajaan perlu mengatasi masalah pokok yang belum selesai.

"Kerajaan boleh membuat dasar padi, tetapi yang melaksanakannya di bawah ialah pesawah," katanya, dan menambah beliau tidak mahu pesawah dan kerajaan kerugian apabila merintis projek baharu.

"Duit habis, petani menjadi mangsa uji kaji. Nasib tak terbela," katanya.

Pada Januari tahun lalu, Mazlan menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan ketika itu menyiasat dakwaan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) berhubung projek perintis penanaman padi pulut di Langkawi, selepas ia menerima aduan daripada pesawah berhubung “kelemahan pengurusan”.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, berkata pihaknya mendapati kawasan sawah kering kontang dan banyak pokok padi mati akibat ketiadaan bekalan air, selain saliran dipenuhi semak-samun dan tidak dibersihkan.

Tidak lama kemudian, kementerian memasang paip bagi menyelamatkan petak sawah, dan mengadakan dialog dengan peserta projek, antara lain.

Headline	Sediakan payung sebelum hujan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	17	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	340 cm ²
Journalist	ANUAR SHAH BALI MAHOMED	AdValue	RM 7,208
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,624



Sediakan payung sebelum hujan



ANUAR SHAH BALI MAHOMED

Penulis baru sahaja kembali dari China. Banyak perkara yang bermain di fikiran dan sanubari penulis berkenaan bagaimana China yang sebelum ini berhadapan dengan krisis kesihatan disebabkan oleh Covid-19 sedang berusaha untuk keluar daripada krisis ekonomi dan ketidaktentuan ekonomi yang semakin mencabar.

Melihat kepada situasi semasa, disebabkan oleh ketidaktentuan cuaca dan perubahan iklim serta ditambah pula dengan perang antara Ukraine dan Rusia menyebabkan keadaan menjadi semakin tidak menentu. Maka terdapat kemungkinan harga barangan akan naik disebabkan oleh permintaan lebih tinggi daripada pengeluaran.

Penurunan pengeluaran barangan terutamanya barangan berasaskan makanan acap kali dikaitkan dengan

pelbagai faktor, namun antara faktor yang amat penting mempengaruhi pengeluaran makanan adalah ketidaktentuan cuaca dan perubahan iklim.

Masihkah kita ingat tahun lalu India telah menyekat eksport gandum disebabkan oleh akibat fenomena gelombang haba yang telah menjejaskan pengeluaran gandum di negara itu. Akibatnya, harga gandum global juga meningkat secara signifikan sehingga terdapat negara yang mana harga gandum mereka telah meningkat lebih 40 peratus.

Pada ketika tu fenomena gelombang haba tidak berlaku secara menyeluruh di peringkat global, namun ketika ini fenomena El Nino adalah fenomena global dan keadaan berpotensi menjadi semakin meruncing dengan kenaikan harga barangan pada masa akan datang amat mungkin berlaku.

Malaysia juga tidak terkecuali dengan isu ini lebih-lebih lagi kebergantungan Malaysia terhadap barangan import terutamanya bekalan

makanan amat tinggi.

Mengikut laporan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, sebanyak RM75.54 bilion import makanan dicatatkan pada 2022, berbanding RM63.59 bilion pada 2021

iaitu peningkatan sebanyak 18.7 peratus.

Tentu sekali dengan kesan fenomena El Nino di peringkat global, kebergantungan tinggi kepada import dan ketidaktentuan ringgit juga berpotensi untuk mempengaruhi kenaikan harga barangan khususnya bekalan makanan.

Oleh yang demikian, kerajaan Pusat dan negeri dicadang mempertingkatkan simpanan bank makanan untuk bersedia daripada berhadapan dengan sebarang kemungkinan krisis makanan yang lebih mencabar. Kita tahu tahun 2023 ini lebih ramai penduduk dunia yang akan berhadapan dengan krisis makanan termasuk peningkatan kadar kebuluran dan kekurangan bekalan makanan. Maka dengan adanya bank makanan ini, ia bertujuan untuk menyimpan makanan yang boleh bertahan lama.

Sekiranya krisis makanan meruncing maka stok makanan yang disimpan boleh digunakan untuk disalurkan kepada rakyat. Stok makanan ini juga boleh digunakan dalam berhadapan dengan krisis lain contohnya bencana alam seperti kemarau berterusan, banjir dan memastikan semua rakyat dapat disediakan makanan sekiranya keadaan luar biasa berlaku.

Sebelum ini, semasa berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kerajaan Pusat dengan kerjasama pihak industri telah melaksanakan Program Bakul Makanan untuk membantu meringankan beban rakyat ketika itu. Selain itu, perkara yang sama juga turut dilaksanakan di negeri kelahiran penulis iaitu di Perak.

Terbaharu, ketika Kongres Perdana peringkat Negeri Kelantan yang dianjurkan oleh Institut Latihan Darul Naim (ILDAN), penulis tertarik dengan penekanan yang diberikan oleh salah seorang pembentang iaitu Ahli Parlimen Bachok, Mohd Syahir Che Sulaiman yang menekankan berkenaan nilai tam-

Headline	Sediakan payung sebelum hujan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	17	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	340 cm ²
Journalist	ANUAR SHAH BALI MAHOMED	AdValue	RM 7,208
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,624

bah yang boleh diberikan di peringkat negeri Kelantan dalam membantu meningkatkan pengeluaran pertanian.

Peningkatan sektor pertanian di semua negeri secara tidak langsung mampu untuk mempertingkatkan simpanan bank makanan sebagai persediaan berhadapan dengan krisis makanan disebabkan oleh El Nino sekiranya ia benar-benar berlaku.

** Dr Anuar Shah Bali Mahomed ialah
Profesor Madya di Sekolah Perniagaan dan
Ekonomi Universiti Putra Malaysia.*

Headline	Johor jadi pengeluar utama ketam nipah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	8	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	105 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,136
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,409



Johor jadi pengeluar utama ketam nipah

Ipoh: Pengeluaran ketam di negara ini daripada perikanan tangkapan dan akuakultur sebanyak 16,074.14 tan metrik tahun lalu dengan 15,740 tan menerusi hasil tangkapan kata Ketua Pengarah Perikanan Datuk Adnan Hussain.

Beliau berkata, bagi tangkapan, pendaratan ketam ialah dari jenis ketam nipah, ketam laut, ketam renjung dan ketam batu, dengan menggunakan peralatan seperti pukut hanyut, pukut tunda, pukut rentang dan bubu atau bintoh ketam.

“Pengeluaran ketam akuakultur sebanyak 334.14 tan metrik membabitkan ketam nipah dalam bentuk kulit lembut dan kulit keras. Ketam nipah yang diternak itu daripada spesies *scylla olivacea*, *scylla paramamosain*, *scylla tranquebarica* dan

scylla serrata,” katanya.

Terdahulu, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Lokman Hakim Ali melawat Projek Ternakan Ketam Nipah di Bagan Datuk dan Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar di Bota.

Adnan berkata, Johor menjadi pengeluar utama ketam nipah (akuakultur) tertinggi tahun lalu dengan 187.46 tan metrik, diikuti Sabah (122.60 tan metrik); Perak (13.60 tan metrik); Sarawak (4.76 tan metrik); Kedah (3.89 tan metrik); Selangor (0.64 tan metrik) dan Terengganu (1.19 tan metrik).

Dalam pada itu, Adnan berkata, spesies utama pengeluaran akuakultur air tawar ialah tilapia merah, keli dan patin dengan ikan tilapia merah menyumbang sebanyak 25,064.65 tan.

Headline	Johor to place log booms at 12 pollution hotspots along Sg Skudai		
MediaTitle	Malaysian-Nanban		
Date	05 Jun 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	65,000
Page No	3	Readership	415,000
Language	Tamil	ArticleSize	271 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,577
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,731



சுங்கை ஸ்கூடாய் நதியில் குப்பைகள் கலப்பதை தடுக்க 12 குப்பை வலைகள் நிறுவப்படும்



(எம்.கே.வள்ளுவன்)

ஜொகூர் பாரு, ஜூன் 5-
ஜொகூர் பாருவை
மாசு படுத்தும் வகையில்
அதிகமான குப்பைகள்
குவியும் நதியாக கருதப்படும்
சுங்கை ஸ்கூடாய்
நதியில் அடையாளம்
காணப்பட்டுள்ள குப்பைகள்
குவிந்து கிடக்கும் 12 முக்கிய
இடங்களில் குப்பைகளை
சேகரிக்கக் கூடிய குப்பை
வலைகள் அமைக்கப்படும்.

மலேசியாவின் மிகவும்
மாசுபட்ட நதிகளில் ஒன்றான
சுங்கை ஸ்கூடாய் நதி வரும்
செப்டம்பர் மாதத்திற்கு
முன்னர் சுத்தமான நிலையை
எட்டுவதை உறுதிசெய்ய
இந்த நடவடிக்கை
எடுக்கப்பட்டுள்ளதாக மந்திரி
புசார் டத்தோ ஓன் ஹாபிஸ்
காஸி இங்கு தெரிவித்தார்.

சுங்கை ஸ்கூடாய் நதியை
இணைக்கக்கூடிய தாமான்
இம்பியான் மாஸ்தம்போய்
உத்தாமா மீன்பிடி துறை,
கம்போங் பாசிர், பெங்காலான்
ரிந்திங் மீன்பிடி துறை, டங்கா
பாயு, கம்போங் பாக்கார் பாத்து
மற்றும் கம்போங் லாவுட்
ஆகிய பகுதிகளிலுள்ள
ஆறுகள் அந்த 12 இடங்களில்
அடங்கும்.

இந்த முக்கிய இடங்கள்
அனைத்தும் ஜொகூர் பாரு
மாநகர மன்றம், பாசிர் கூடாங்
மாநகர மன்றம், இஸ்கண்டார்

புத்ரி மாநகர மன்றம் மற்றும்
கூலாய் நகராண்மைக்
கழகம் ஆகிய நான்கு
ஊராட்சி மன்ற பகுதிகளில்
இருக்கும் வேளையில் அங்கு
அமைய விருக்கும் குப்பை
வலைகளை சம்பந்தப்பட்ட
ஊராட்சி மன்றங்கள்
மேற்கொள்ளும் என அவர்
குறிப்பிட்டார்.

நேற்று காலை இங்கு
கம்போங் பாக்கார்
பத்துவில் நடைபெற்ற
சுங்கை ஸ்கூடாய் நதியை
சுத்தப்படுத்தும் நிகழ்ச்சியில்
கலந்துகொண்ட பின்னர்
அவர் இதனை தெரிவித்தார்.
சுங்கை ஸ்கூடாய் நதி
சுத்தமாக இருப்பதை
உறுதிசெய்ய சம்பந்தப்பட்ட
நிறுவனங்கள் உட்பட
அனைத்து தரப்பினரின்
நடவடிக்கைகளையும் மாநில
அரசாங்கம் கண்காணிக்கும்
என்றும் டத்தோ ஓன் ஹாபிஸ்
காஸி கூறினார்.

சுங்கை ஸ்கூடாய்
நதி பகுதியில் ஏற்படும்
மாசுபாட்டினை குப்பை
வலைகள் வைப்பதன்
மூலம் சமாளிக்க முடியும்
என்பதை மாநில அரசாங்கம்
உறுதி செய்யும் என்ற அவர்,
அனைத்து தரப்பினரும்
இணைந்து செயல்பட்டால்
நதியை
சுத்தப்படுத்த முடியும்
என தான் நம்புவதாகவும்
குறிப்பிட்டார்.